

Sejarah Syariat Islam dan Perkembangan

Di dalam keluaran yang telah lalu telah disiarkan perkembangan syariat Islam terutamanya dalam masa

Nabi Muhammad (S.A.W) masih hidup dan membawa sedikit dalam masa Saiyidina Abu Bakar dan Saiyidina Umar

mulai memegang tumpuk kekuasaan. Dengan sendirinya masa itu keadaan umat Islam belum begitu meluas dan

belum banyak dimasuki oleh keadaan-keadaan yang setempat mengelilinginya yang sedikit sebanyak ada pengaruhnya ke dalam

perkembangan syariat Islam itu. Sekarang bacalah sambungan seterusnya. –

(2)

Setelah Rasulullah (S.A.W) wafat daerah kekuasaan

keadaan-keadaan yang sulit, berlainan dan sebagainya yang

umat Islam semakin luas dan lebar. Dalam masa

perlu di selesaikan dengan secara hukum. Kejadian-kejadian

pemerintahan dikendalikan oleh Saiyidina Umar bin al-Khattab

sehari-hari terutamanya adalah menjadi perkara kesulitan

Jazirah Arab yang menjadi pusat Islam sekarang telah

yang dihadapi mereka di dalam mana umat Islam sebagai

didampingi oleh negeri-negeri yang baru dan besar dari segenap

orang yang baru dan rakyat negari sebagai orang yang lama.

penjuru; Syria (17 H.), Iraq bekas jajahan

Sesuai dengan perkembangan kebudayaan masa itu

Parsi (17 H.), Mesir (20 H.) dan Parsi

sudah tentu setiap negara mempunyai adat sendiri,

(21 H.). Gabungan di antara negeri itu berjalan dengan

masyarakat mempunyai akhlak sendiri, demikian juga

sangat lancarnya.

pertadbiran kewangan dan perniagaan mempunyai susunan

Sesuai dengan perkembangan kekuasaan Islam ini,

sendiri. Umpamanya di daerah bekas kekuasaan Parsi –

Saiyidina Umar mendaftarkan setiap orang dari umat Islam.

mereka mempunyai adat dan susunan yang berbentuk Parsi

Mereka diminta tidak menentukan pekerjaannya sendiri,

dalam segala hal kerana mereka telah lama tenggelam dalam

sebab negara dan pertahanannya, juga perkembangan Islam,

kebudayaan itu. Mesir dan Syria mempunyai tatatertib

meminta gunakan yang luar biasa sesuai dengan hajat

dan tradisi dalam pemerintahan, perniagaan, masyarakat

pertahanan dan negara masa itu. Oleh yang demikian di antara

dan sebagainya yang berjiwa dengan peraturan-peraturan orang-orang Rom.

umat Islam yang sudah di tentukan daerah “kerjanya”

Sebaliknya di Semenanjung Tanah Arab terdapat golongan-golongan badwi

dalam lapangan pertahanan dan perkembangan agama terutamanya

yang lepas daripada kemajuan dan tamadun Parsi, Rom

ditentukan kepada ulama-ulama yang hafal Qur'an, *Muḥaddithīn*

dan lain-lain yang sama sekali tidak ada hubungannya dengan

(ahli hadith), dan fuqahā'- fuqahā' iaitu mereka yang disuruh

Tanah Arab.

berpindah dengan membawa tugas mengembangkan agama.

Susunan-susunan pemerintahan negara, masyarakat dan

Di tempat yang baru ini mereka banyak menemui adat

hukum yang didapati di dalam negara-negara tersebut adalah

dan masyarakat yang belum pernah dikenal di Jazirah Arab.

mempengaruhi jiwa rakyatnya. Setelah Islam masuk ke sana

Daripada perkembangan Islam ini, mereka banyak menemui

banyaklah berlaku hal-hal dan soal-soal yang sama sekali belum

terdapat nasnya dengan tertulis di dalam salah satu ayat al-Quran atau hadith-hadith Nabi (S.A.W) bahkan sebelum itu hal-hal tersebut belum pernah berlaku sama sekali. Bagi menyelesaikan persoalan-persoalan ini, ulama-ulama dan fuqahā' berusaha berijtihad menggunakan kekuatan otaknya untuk menyelesaikan soal-soal tersebut. Adalah tidak baik bagi pemerintahan Islam kalau sesuatu hal tidak dapat diselesaikan terutamanya mengenai ketenteraman dan kebaikan masyarakat. Ulama dan fuqahā' hendaklah menggunakan fikirannya di dalam kawasan yang dapat persaksian dari nas-nas al-Qurā'n dan Sunnah Rasul yaitu memberi pendapat yang jiwanya ada di dalam al-Qurā'n atau Sunnah Rasul – bukan fikiran atau pendapat yang terlepas sama sekali daripada kedua-dua dasar agama itu.

Demikianlah jalan keluar yang telah ditempoh oleh ulama dan fuqahā' yang *mujtahidīn*. Sekalipun begitu terkadang-kadang mereka berpengaruh juga dengan lingkungan masyarakat tempat mereka menetap atau bertugas. Umpamanya sahabat-sahabat yang ditempatkan di Iraq di dalam mereka berijtihad memutuskan soal-soal yang dihadapkan kepada mereka yang nasnya di dalam al-Qurā'n dan al-ḥadīth terkadang-kadang terpengaruh oleh adat istiadat orang yang berjalan beberapa lamanya yang mempunyai undang-undang dan peraturan negeri yang khusus. Demikian itulah juga sahabat-sahabat yang bertugas di Mesir dan di Syria. Mereka terpengaruh dengan apa yang mereka lihat dan apa yang terdapat di dalam masyarakat itu.

Yang demikian, ulama-ulama dan fuqahā'-fuqahā' itu mengetahui, bahawa Islam datang tidak untuk meruntuhkan segala kebudayaan, akhlak, adat istiadat manusia lalu mendirikan kebudayaan adat dan akhlak yang lain di atas runtuhan yang tersebut. Islam melihat segala sesuatu dari segi manfaat dan mudaratnya. Mana baik dan manfaat oleh Islam dan dijadikannya sebahagian daripada syariatnya, mana yang tidak baik dan memberi mudarat dilarang dan

diharamkan. Mana-mana yang dapat diperbaiki dan dibersihkan kemudian supaya dapat dipakai dan berguna bagi masyarakat.

Dengan dasar inilah agama menetapkan ibadah haji dan dijadikan salah satu Rukun Islam yang lima sesudah ibadah haji itu terlebih dulu dibersihkan daripada ibadah-ibadah yang berjiwa kepercayaan menyembah berhala.

Islam juga menetapkan undang-undang kahwin, talak, 'iddah dan berbagai-bagai jenis jual beli dan lain perkara muamalah – semuanya dibuat dengan lebih dulu dibersihkan daripada unsur-unsur yang merugi dan membahayakan lahir dan batin manusia. Bersamaan dengan itu pula, Islam mengharlamkan arak, judi, riba' dan memakan sebahagian haiwan. Wanita-wanita pula diberi hak-hak yang sama sekali tidak didapati mereka pada zaman Jahiliyah.

Ulama dan fuqahā' serta lain-lain ahli agama Islam telah mengetahui sekalian undang-undang dasar ini sebelum mereka melangkah ke daerah-daerah baru yang dimasuki oleh Islam. Mereka mengetahui dan menginsafi bahawa syariat Islam telah menentukkan garis dalam hal ini dan mereka tidak mengetahui bahawa syariat Islam seluruhnya adalah dari Tuhan. Tidaklah menjadi salah kalau mereka itu setelah mempelajari semua peristiwa dan berbagai-bagai keadaan manusia di mana mereka itu berada memberikan hukuman-hukuman yang belum ada nasnya di dalam Qur'an atau hadith, menentukkan mana yang boleh dan mana yang terlarang kepada masyarakat itu. Hukuman-hukuman yang diambil itu didasarkan mereka dari dasar-dasar syariah yang dapat jiwanya kepada setiap hukum yang telah diberi nas di dalam Qur'an atau Sunnah.

(bersambung)

